

Berunding jika terdapat masalah - PM

Renungan

SESUNGGUHNYA syaitan itu musuhmu..
Maka nyatakanlah ia sebagai musuh. — Mak-
sud Al-Hadis Al-Syarit.

KAPAR 9 Jun — Perdana Menteri,
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad,
menyeru para pemimpin di negara ini
supaya membawa berunding jika
terdapat sebarang masalah dengan
semangat kerjasama.

Beliau kesal kerana terdapat pemimpin - pemimpin
daripada Barisan Nasional dan UMNO sendiri yang lebih
cenderung melaung - laungkan masalah untuk didengar
oleh pihak musuh.

"Itu hanya mendedahkan keburukan diri kita," tegasnya
ketika berucap di majlis kesyukuran dan sambutan Hari
Raya anjuran UMNO bahagian Kapar, di sini petang ini.

"Jika ada sebarang masalah lebih baiklah ia dibawa
berunding secara tertutup dengan sikap bertanggungjawab
daripada membakar hati tanpa faedah," ujarnya dengan
nada kesal.

Beliau sebelum itu menyentuh tentang semangat kerjasama
antara parti - parti komponen Barisan Nasional dan
memegang prinsip berunding sesama sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ini tidak sahaja ditujukan
kepada pemimpin - pemimpin Barisan Nasional tetapi juga
kepada pemimpin - pemimpin UMNO.

Beliau lalu mengingatkan para pemimpin Barisan Nasional

bahawa UMNO tidak tamak di dalam melaksanakan dasar
- dasar parti, bahkan sanggup bekerjasama dengan rakan
- rakan parti komponen.

"UMNO tidak tamak sebaliknya sanggup bekerjasama
dengan parti - parti komponen lain asalkan mereka juga
berpegang kepada prinsip kerjasama antara kaum dan
berunding sesama sendiri," ujarnya.

Sungguhpun ucapan itu tidak ditujukan dengan jelas tetapi
Perdana Menteri dipercayai merujuk kepada nada suara
parti komponen Barisan Nasional yang sering mengungkit
tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang
kononnya menguntungkan Melayu.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Selangor Darul
Ehsan, Datuk Haji Muhammad Mohd. Taib dan isteri,
Setiasaha Kerajaan Negeri, Datuk Sulaiman Othman, ahli
Parlimen Kapar, Encik D.P. Vijandran dan pemimpin -
pemimpin UMNO negeri.

Menyentuh tentang kemenangannya mengekalkan jawatan
Presiden UMNO baru - baru ini, Perdana Menteri berkata,
bahawa itu adalah kemenangan UMNO sendiri kerana atas
prinsip demokrasi dalam UMNOlah kemenangan itu
tercapai.

"Disebabkan bilangan ahli - ahli UMNO yang mendokong
prinsip demokrasi itu cukup untuk majoriti saya mencapai
kemenangan.

LIHAT MUKA 6

Berunding jika terdapat masalah — PM

Jika bilangan itu sedikit, saya rasa kemenangan itu tidak akan tercapai," katanya. Sambil berterima kasih kepada ahli - ahli UMNO yang menentukan kemenangannya, beliau berkata bahawa kerana adanya orang - orang itulah Parti UMNO telah dapat melalui satu ujian yang paling berkesan. "Kita harus berusaha supaya orang - orang macam ini bertambah ramai dalam UMNO supaya UMNO menjadi lebih kukuh dan layak terus menjadi

ketua dalam Barisan Nasional. Beliau berkata, tunggak kestabilan politik di negara ini adalah Parti UMNO kerana UMNO parti yang terbesar di negara ini. Perdana Menteri menegaskan bahawa kestabilan politik dalam sesebuah negara itu amat penting kerana faktor tersebut dapat menolong menaikkan taraf hidup rakyat negara itu. Beliau juga menyeru supaya rakyat negara ini bekerja lebih kuat lagi bagi menjamin keadaan ekonomi

UM 10 JUN 1987
negara yang kian pulih kini berterusan dan mencapai ke tahap yang lebih baik lagi. "Kita lihat sekarang harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur semakin meningkat, harga barang mentah juga naik serta faedah pinjaman bank telah turun. Ini semua petanda bahawa ekonomi kita semakin pulih," ujarnya. Oleh itu, katanya, rakyat hendaklah terus berusaha keras kerana ekonomi negara adalah bergantung kepada usaha rakyat sendiri.